

# Persatuan Mahasiswa FKAL lawat Indonesia

UB 23.11.2024 P.06

**LABUAN:** Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya menganjurkan program Lawatan Sambil Belajar Kategori Teras, Kepimpinan dan Jati Diri ke tiga institusi terkemuka di Indonesia.

Institusi itu ialah Universiti Negeri Jakarta (UNJ), Komite Nasional Ekonomi dan Keuangan Syariah (KNEKS) Kementerian Keuangan Republik Indonesia dan Universitas Telkom, Bandung.

Program enam hari bermula dari 12 November itu disertai 11 pelajar Persatuan Mahasiswa FKAL, diiringi dua pensyarah fakulti, Dr Noor Hassanah Husin dan Dr. Ricky Chia Chee Jiun.

Ketua Delegasi ke Indonesia, Dr. Noor Hassanah Husin berkata lawatan bertujuan memperkukuh pengetahuan akademik, memantapkan nilai kepimpinan serta meningkatkan jati diri pelajar sebagai pemimpin masa depan.

Di samping itu, ia sebagai platform merapatkan hubungan antara FKAL dengan institusi-institusi serantau.

Di Universitas Negeri Jakarta (UNJ), rombongan disambut mesra oleh wakil fakulti di mana diskusi ilmiah diadakan untuk meneroka potensi kerjasama akademik antara kedua-dua institusi.

Perbincangan ini turut menyentuh peluang pertukaran pelajar yang bertujuan untuk memperkaya pengalaman



**TERUJA:** Dr. Ricky Chia Chee Jiun (sembilan kanan), Dr Noor Hassanah (tujuh kiri) dan Chai Zhi Leng (dua kanan) bersama pelajar FKAL melawat ke Komite Nasional Ekonomi dan Keuangan Syariah, Kementerian Keuangan Republik Indonesia.

pembelajaran antarabangsa.

Selain itu, peserta didedahkan kepada program pembangunan pelajar di UNJ yang menekankan aspek kepimpinan dan keusahawanan.

Ia memberikan inspirasi kepada pelajar FKAL untuk memperkasakan potensi mereka sebagai pemimpin masa hadapan.

Sementara itu, lawatan ke Komite Nasional Ekonomi dan Keuangan Syariah (KNEKS) telah membuka ruang kepada peserta untuk memahami perkembangan terkini ekonomi dan kewangan Islam di Indonesia.

Taklimat yang disampaikan oleh pakar-pakar KNEKS memberikan gambaran mendalam tentang inisiatif dan dasar strategik yang dirancang untuk memacu pertumbuhan ekonomi syariah di negara berkenaan.

Pendedahan ini amat relevan dengan aspirasi Malaysia sebagai hab kewangan Islam global, menjadikan pengalaman ini suatu pengetahuan berharga kepada semua peserta.

Di Universitas Telkom, peserta mengunjungi fakulti yang memfokuskan kepada teknologi dan inovasi dalam perniagaan.

Lawatan itu diikuti dengan bengkel interaktif yang menarik, di mana peserta didedahkan kepada konsep transformasi digital dan kepimpinan dalam era globalisasi.

Presiden Persatuan Mahasiswa FKAL, Chai Zhi Leng pula berkata, lawatan ini adalah peluang yang luar biasa untuk pelajar meningkatkan pengetahuan mereka di luar bilik kuliah.

“Program ini bukan sahaja

memberikan kami pengalaman berharga dalam memahami landskap ekonomi, kewangan dan teknologi di peringkat antarabangsa, malah mengajar kami tentang nilai kerjasama dan kepemimpinan.

“Kami sangat terinspirasi oleh pendekatan inovatif yang diterapkan di UNJ, KNEKS dan Telkom Universiti, yang mampu kami jadikan contoh untuk memperkukuh visi serta misi persatuan mahasiswa FKAL pada masa hadapan,” katanya.

Peserta juga berpeluang merasai budaya tempatan melalui aktiviti-aktiviti luar kuliah yang dianjurkan sepanjang program.

Ini sejajar misi FKAL untuk melahirkan graduan yang holistik, kompeten dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.